



# MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

## TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

## SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN TAMAN KOMUNITI SATU  
(1) BAYI SATU (1) POKOK

## TARIKH / MASA / TEMPAT

7 OKTOBER 2018 (AHAD)  
8.30 PAGI

TAMAN KOMUNITI  
REZAB PARIT MONSUN  
BANDAR PERDA

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmod**

Puan Setiausaha Perbandaran

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Para Penduduk Bandar Perda**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

.....

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi ini dalam Majlis Perasmian Taman Komuniti melalui Konsep Satu (1) Bayi Satu (1) Pokok di Taman Komuniti Bandar Perda.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada para hadirin sekalian kerana sudi meluangkan masa untuk hadir ke majlis pada pagi ini. Sesungguhnya kehadiran Tuan-Tuan dan Puan-Puan amat besar ertinya kepada kami semua.

Tidak ketinggalan juga saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program ini, terutamanya Jabatan Landskap MPSP.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) komited untuk melaksanakan wawasan pembangunan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang

dinyatakan dalam *Penang 2030* (Pulau Pinang 2030), yang terdiri dari empat objektif utama iaitu meningkatkan taraf hidup serta kualiti hidup penduduk; mengembangkan saiz ekonomi demi meningkatkan pendapatan isi rumah; memperkasa rakyat demi mengukuhkan sistem masyarakat sivil dan pelaburan Kerajaan Negeri dalam pembangunan alam semula jadi agar lebih berdaya tahan. *Penang 2030* memberi tumpuan terhadap aspek pembangunan kekeluargaan dan pencapaian kualiti hidup yang tinggi dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri hijau dan pintar.

MPSP pula telah merangka Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022 yang menetapkan sasaran untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandaraya Pintar (*Smart City*) menjelang tahun 2022. Dengan menjadikan “*Seberang Perai is For All*” sebagai *guiding principal* MPSP memacu ke arah inklusif dengan visi “***Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau dan Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu Oleh Teknologi***”. Ianya menggambarkan komitmen serta usaha yang akan digembleng oleh MPSP dalam merangka strategi ke arah mewujudkan sebuah bandaraya rendah karbon yang berdaya huni dan juga mendokong hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadi negeri hijau yg pertama di Malaysia.

Salah satu program yang ditetapkan dalam Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022 di bawah Keutamaan Strategi SP08, iaitu *Bandar Yang*

*Berdaya Tahan Dan Berdaya Huni* adalah mewujudkan Taman Komuniti melalui konsep satu (1) bayi satu (1) pokok.

Ini adalah satu perancangan atau komitmen MPSP kepada semua pelanggan, *stakeholders*, warga Seberang Perai dan Kerajaan Negeri dalam menjayakan Visi dan Misi MPSP, dan seterusnya menjadikan MPSP sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang terbuka, interaktif, cekap dan mendapat sokongan '*civil society*'. Ianya adalah untuk meningkatkan kesedaran komuniti setempat dalam mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif sejajar dengan seruan Kerajaan Negeri dalam mewujudkan Bandaraya Rendah Karbon.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

MPSP menganjurkan program Taman Komuniti Melalui Konsep Satu (1) Bayi Satu (1) Pokok, di Seberang Perai dengan penyertaan 208 kakitangan kakitangan MPSP yang mempunyai cahayamata yang dilahirkan pada tahun 2017 sehingga Mac 2018. Peserta-peserta akan diberikan pokok-pokok dari spesies buah-buahan iaitu pokok ciku (*Manilkara zapota*) dan pokok jambu kancing / air (*Syzygium aqueum*). Pokok-pokok ini akan ditanam peserta pada hari ini di sepanjang 1,100 meter Rezab Parit Monsun, Jalan Perda Barat, SPT. Kawasan ini akan dikenali sebagai **Taman Komuniti Bandar Perda.**

Pokok-pokok yang akan ditanam telah mendapat tajaan daripada kesemua 24 Ahli Majlis MPSP dengan kos keseluruhan sebanyak RM4,800.00. Setiap Ahli Majlis menaja 10 batang pokok berharga RM10.00/pokok. Secara tidak langsung, program ini memberikan impak positif terhadap peningkatan kualiti alam sekitar demi mencapai kualiti hidup yang lebih baik serta menggalakkan aktiviti riadah / rekreasi dan mengeratkan hubungan antara kakitangan Jabatan di MPSP dan juga orang ramai.

Kesinambungan daripada program ini, adalah untuk menanam pokok di rizab bertentangan dengan kawasan ini dan akan dibuka kepada orang ramai yang berminat. Tahun depan pula kawasan yang berpotensi untuk dijadikan Taman Komuniti akan dikenalpasti di SPU dan SPS.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Memandangkan ketiadaan kawasan rekreasi dan riadah serta atas dasar keprihatinan terhadap kehendak masyarakat setempat, MPSP telah merancang dan menyediakan satu jaringan kawasan rekreasi atau riadah berserta kemudahan awam di Bandar Perda ini. Kawasan-kawasan terbiar di belakang Menara MPSP dan di sekeliling kolam tadahan ditukar kepada jaringan taman rekreasi dan riadah yang terdiri dari:-

1. **Taman Tasik Tecoma** yang terletak di sebelah *Upcycle Park* dengan kolam tadahan yang besar dan dikelilingi 700 pokok Tecoma (*Tabebuia* spp.) yang ditanam tahun lepas sempena Hari Kemerdekaan ke-60 pada 27 Ogos 2017 dalam Program Penanaman serentak 3,000 Pokok *Tabebuia* spp. (Tecoma) di seluruh Seberang Perai. Taman ini masih dalam perancangan untuk dijadikan lokasi “*photo session*” perkahwinan, laluan berbasikal dan beriadah. Buat masa ini kita dapat lihat ramai kaki pancing yang mengunjungi tempat ini dari hari ke hari.
2. **Upcycle Park** merupakan taman riadah yang berkeluasan 9,684.5 meter persegi (tasik berkeluasan 4,456 meter persegi, manakala kawasan hijaunya adalah 5,228.5 meter persegi). Taman ini mempunyai keunikan tersendiri dengan menyediakan ruang yang dilengkapi dengan barangan dan perkakasan *upcycle* yang diperbuat daripada bahan-bahan terbuang dan terpakai seperti tayar kereta, tayar motosikal, kayu palet, botol plastik, basikal, kain terpakai dan lain-lain lagi. Komponen-komponen disediakan di sini adalah laluan pejalan kaki sepanjang 400 meter yang telah dicat, jeti, dataran di pintu masuk, perkakasan seperti kerusi, meja, tong sampah, perabot taman dari bahan-bahan terbuang dan terpakai. Taman ini

merupakan taman *upcycle* yang pertama dibangunkan di Malaysia dan diiktiraf dalam *The Malaysia Book of Records* (MBR) sebagai “*the First Organisation To Develop Upcycle Park*”.

*Upcycle Park* bertujuan memberi pendidikan dan menggalakkan masyarakat untuk menjalankan aktiviti kitar semula dan *upcycle*. Taman tersebut dirasmikan pada 10 Mac lalu oleh mantan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang memberi manfaat kepada lebih 20,500 penduduk di kawasan sekitar.

3. **Taman Komuniti** pula terletak di sepanjang parit monsoon bersebelahan Pangsapuri Permata sehingga Jalan Permatang Pauh. Di taman inilah terletaknya laluan “*Cycle to Work*” sepanjang 1,175 meter dengan kelebaran 1.5 meter yang siap sepenuhnya pada 13 April 2018. Laluan ini mewujudkan *connectivity* di antara kawasan perumahan, institusi-institusi pendidikan, bangunan-bangunan kerajaan dan swasta, tempat riadah dengan perkhidmatan BEST (*Bridge Express Shuttle Transport*) dan CAT (*Central Area Transit*) yang terletak kawasan sekitar kawasan Bandar Perda secara *dedicated lane* dan *road sharing*. Pembinaan laluan *Cycle to Work* ini juga dapat menghubungkan tempat kediaman dengan *Central Business District* (CBD) Bandar Perda yang terdiri daripada



pejabat-pejabat kerajaan dan swasta, bank-bank, pusat-pusat perniagaan, restoran dan kedai makan, institusi-institusi pendidikan dan tempat riadah. Penyediaan laluan “*Cycle to Work*” adalah salah satu usaha untuk menjadikan berbasikal ke tempat kerja satu amalan untuk mengurangkan pelepasan karbon supaya Seberang Perai menjadi bandar rendah karbon dan seterusnya menjadikan Seberang Perai - *Aspiring City of Tomorrow*.

Dalam taman ini jugalah Program “1 Bayi 1 Pokok” dilancarkan pada pagi ini, 7 Oktober 2018.

MPSP menyediakan taman-taman awam ini berserta kemudahan untuk meningkatkan kualiti hidup 20,500 penduduk di sekitar Bandar Perda tanpa mengira status. Saya berharap dengan wujudnya kemudahan-kemudahan awam dan taman-taman riadah seperti ini dapat memberi impak terhadap peningkatan kualiti persekitaran kawasan ini dan menjadi *catalyst* kepada *Local Economic Development* (LED) serta memenuhi ekspektasi penduduk setempat demi mencapai kualiti hidup yang lebih baik.

Harapan saya agar penduduk setempat dapat sama-sama menjaga taman-taman ini dan semua kemudahan yang disediakan di sini. Hargai kemudahan yang disediakan semoga ianya dapat memberi manfaat kepada seluruh penduduk. Jadikanlah kemudahan-kemudahan ini sebagai ruang

rekreasi awam untuk meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan hidup dan juga sebagai platform integrasi sosial dalam masyarakat.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Saya bagi pihak MPSP juga ingin menzahirkan rasa kecewa terhadap perbuatan tidak bertanggungjawab oleh sesetengah pihak yang bertindak merosakkan kemudahan-kemudahan awam di taman-taman rekreasi. *Park*. Barangan, pokok-pokok dan kemudahan yang diletakkan di taman rekreasi MPSP sering kali menjadi mangsa vandalisma sehingga menyebabkan MPSP terpaksa menanggung kerugian. Perbuatan sebegini bukan sahaja berlaku di taman-taman ini, malah perbuatan seumpama ini juga turut berlaku di beberapa lagi taman seperti di Taman Tunku, Anjung Bagan dan Taman Sejahtera.

Perlakuan vandalisme ini merupakan satu kesalahan jenayah mengikut Undang-Undang Kecil Vandalisme (MPSP) 1993 di bawah perkara 3 (1) yang jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM2,000.00 atau penjara selama satu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali. Para penduduk setempat dan pengunjung diminta untuk sama-sama menjaga dan tidak merosakkan peralatan atau kemudahan-kemudahan yang disediakan serta pokok-pokok yang ditanam

di taman-taman ini supaya semua pihak dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang kita sediakan.

Bersama-samalah kita menjaga trek jogging, lampu-lampu awam yang telah dipasang, kemudahan-kemudahan yang telah disediakan dan pokok-pokok yang ditanam untuk kebaikan semua. Pelihara diri kita daripada membuat vandalisma atau kerosakan. Yang paling penting tidak membuang sampah di merata-rata tempat di dalam taman.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MPSP sentiasa mementingkan kemudahan dan kepentingan masyarakat. Saya memohon agar taman-taman rekreasi ini dapat dijaga dengan baik oleh penduduk setempat. Jadilah mata-mata MPSP, laporkan sekiranya ada sebarang masalah vandalisma atau pembuangan sampah daripada pihak yang tidak bertanggungjawab agar tindakan dapat diambil ke atas mereka. Ingatlah tuan-tuan dan puan-puan, kemudahan ini adalah hak milik kita bersama.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya berharap agar penduduk setempat dapat bersama-sama menjayakan semua program Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MPSP dalam menjadikan “Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan” atau “Seberang Perai Aspiring City

of Tomorrow”. Sokongan dan penglibatan penduduk Seberang Perai adalah amat diperlukan bagi menjadikan Seberang Perai Bandaraya Rendah Karbon pada tahun 2022. Sekali lagi, terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis MPSP, warga kerja MPSP, para penduduk setempat dan pengunjung ke Taman Tecoma, *Upcycle Park* dan Taman Komuniti yang hadir memberikan sokongan dan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MPSP dan saya pasti dengan komitmen ini, “*Seberang Perai – Aspiring City Of Tomorrow*” dapat direalisasikan.

Sebagai mengakhiri kata-kata, dengan lafaz BISMILLAH dan dengan ini merasmikan Majlis Perasmian Taman Komuniti Satu (1) Bayi Satu (1) Pokok.

***Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

**Sekian, terima kasih.**